

24 OCT 1996

Yatim-Perhimpunan

1,300 ANAK YATIM BERHIMPUN DI ITM UNTUK KHEMAH PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Buat julung kalinya seramai 1,300 anak yatim seluruh negara akan menghadiri khemah pendidikan selama seminggu di kampus induk Institut Teknologi Mara (ITM) Shah Alam bermula 23 Nov ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di jangka menyertai khemah pendidikan itu pada 29 Nov yang bertujuan membuka minda anak yatim terhadap peri pentingnya pelajaran sebagai jaminan masa depan.

Perhimpunan itu yang dianjurkan bersama oleh Yayasan Kebajikan Anak-Anak Yatim Malaysia (YATIM) dan ITM dengan kerjasama akhbar The New Straits Times, Berita Harian, Utusan Malaysia dan Nanyang Siang Pau serta TV3 dan RTM berhasrat mengubah tanggapan masyarakat terhadap keperluan sebenar anak yatim.

Pengerusi Jawatankuasa Perhimpunan Datuk A.Kadir Jasin berkata masyarakat dewasa ini beranggapan bahawa anak yatim hanya memerlukan derma untuk makanan dan pakaian terutama pada musim perayaan.

"Masyarakat lupa bahawa selain makanan, pakaian dan tempat tinggal yang sempurna, anak-anak yatim juga memerlukan sokongan daripada segi mental dan emosi," katanya pada persidangan berita di Balai Berita NST di sini.

Beliau berkata kajian oleh Universiti Pertanian Malaysia (UPM) menunjukkan bahawa pencapaian akademik di kalangan anak yatim adalah rendah kerana kebanyakan daripada mereka menghadapi masalah emosi yang tidak stabil.

Justeru itu, perhimpunan yang akan diadakan itu berorientasikan pendidikan dan pembentukan minda, yang mana para peserta antara lain akan diberi ceramah oleh beberapa orang pakar seperti pakar psikiatri Prof Dr Kasmini Kassim, tokoh pendidik Prof Tan Sri Awang Had Salleh dan pakar motivasi Dr Fadzillah Kamsah.

Kesemua peserta terdiri daripada penuntut tingkatan empat dari semua kaum dan dipilih dengan bantuan Jabatan Pendidikan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut kriteria tertentu yang ditetapkan oleh pihak penganjur, katanya.

Beliau berkata selain itu, para peserta juga akan dilibatkan dengan beberapa aktiviti riadah seperti sukan, pertunjukan filem dan pertunjukan payung terjun oleh Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di samping melawat beberapa bangunan penting di bandaraya seperti Bangunan Parlimen dan Menara Kuala Lumpur.

Kadir berkata sebagai inspirasi kepada mereka untuk belajar bersungguh-sungguh dan melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan tinggi, mereka akan dibawa melawat ke 11 kajian yang terdapat di ITM serta diberi penerangan mengenai syarat-syarat kemasukan serta peluang pekerjaan kepada graduan ITM.

Beliau berharap perhimpunan itu akan dapat mengikis stigma bahawa anak-anak yatim adalah nakal dan rumah anak yatim merupakan tempat pemulihan akhlak.

Masyarakat juga diharap tidak lagi menghulurkan bantuan yang keterlaluan sehingga menjadikan anak-anak yatim terlalu bergantung kepada bantuan serta hilang daya berdikari, katanya.

Beliau berkata selain perhimpunan itu, YATIM dengan kerjasama berbagai pihak seperti sektor korporat telah mengadakan berbagai program pembentukan minda serta motivasi diperingkat daerah yang telah memanfaatkan 10,000 anak yatim seluruh negara. -- BERNAMA

AKT PR

